Kata Nama Khas



Kata nama khas terdiri daripada perkataan yang merujuk kepada **benda-benda yang khusus**. Contohnya, nama orang, haiwan, benda, institusi, tempat, bangsa, bahasa, pangkat, undang-undang, dan sebagainya.



Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Pada setiap pagi Isnin, ketua pengawas akan menaikkan _____ ketika lagu Negaraku dinyanyikan.
   - A jalur gemilang
   - B Jalur Gemilang
   - C Jalur gemilang
   - D jalur Gemilang

2. Restoran makanan laut itu dimiliki sepenuhnya oleh _____.
   - A Tuan Haji Samsuri
   - B tuan haji Samsuri
   - C Tuan haji samsuri
   - D tuan haji samsuri

3. Encik Rahim sempat melawat ibu saudaranya ketika beliau menjalani kursus di _____.
   - A bandar Baru Bangi
   - B bandar baru Bangi
   - C Bandar Baru Bangi
   - D bandar baru bangi

4. Kakak terjaga daripada tidur apabila _____ mengiau dengan kuatnya.
   - A Si comel
   - B si Comel
   - C si comel
   - D Si Comel

5. Perpindahan _____ ke sekolah lain amat menyedihkan kami.
   - A cikgu Siti Azni
   - B cikgu siti azni
   - C Cikgu Siti Azni
   - D Cikgu siti azni

6. Jasmin mencari makna kata di dalam _____ dengan tekunnya.
   - A kamus dewan
   - B Kamus Dewan
   - C Kamus dewan
   - D kamus Dewan

LIVEWORKSHEETS